



DR. MAHATHIR MOHAMAD

MAY 1976

SOAL: Pada pendapat Doktor, adakah kita lebih bersatu padu dari semasa kita memperjuangkan kemerdekaan dulu?

Jawab: Saya berpendapat kita lebih erat dalam perpaduan sekarang kerana, sebelum merdeka dulu, kita menganggap British sebagai sumber kuasa, sebagai pemerintah negara ini. Kalaupun ada sebarang taat setia pada masa itu, ia lebih banyak dicurahkan kepada kuasa penjajah, kerana perasaan ingin memiliki negara sendiri tidak begitu mendalam pada masa sebelum merdeka. Selepas mencapai kemerdekaan, taat setia dicurahkan kepada institusi-institusi dalam negara ini, kerajaan, sultan-sultan dan lain-lain. Akan tiba harinya bila seluruh rakyat akan bersatu padu lebih erat dalam mencurahkan taat setia.

• **Soal:** Adakah Doktor berpendapat bahawa kita mempunyai kesedaran kebangsaan, seperti kemiskinan dan keselamatan yang merupakan jurang perbezaan antara kaum?

• **Jawab:** Saya fikir setiap orang sedar yang dia rakyat negara. Di setiap negara terdapat rakyat dari berbagai kaum yang mempunyai berlainan konsep. Tetapi di negara ini, ada berbagai kaum yang hidup bersama dan tiap-tiap kaum mungkin mempunyai tafsiran yang berlainan mengenai kesedaran kebangsaan. Di lain-lain negara, mungkin terdapat perbezaan antara kelas-kelas. Misalnya, ada golongan konservatif dan golongan buruh di England.

Mereka mempunyai kesedaran mengenai imej negara mereka, tetapi tiap-tiap golongan mempunyai cara yang berlainan untuk mengatasi masalah-masalah negara. Setiap golongan menuntut lebih banyak

Interbiu terus terang antara Mahathir dgn. akhbar China

• **Jawab:** Saya berpendapat, ada juga aspek perkauman dalam masalah ekonomi. Jika tidak ada masalah ini maka tidaklah lagi ada keperluan untuk mengujudkan parti-parti politik yang bercorak perkauman. Tetapi pada masa ini kita masih mempunyai kesedaran mengenai perbezaan

TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir baru-baru ini telah diinterbiu oleh akhbar Sin Chew Jit Poh, salah sebuah akhbar bahasa China yang terkemuka. Beberapa pertanyaan yang dikemukakan dalam interbiu 75 minit itu adalah berlainan dari yang pernah dikemukakan oleh akhbar-akhbar Kumpulan Utusan Melayu dan majalah "Malaysian Business" keluaran Syarikat New Straits Times, iaitu persoalan-persoalan yang datangnya dari masyarakat China.

Akhbar China itu kemudian membuat kesimpulan berikut, antara lainnya: "Satu perkara adalah jelas sekali, iaitu doktor berumur 50 tahun yang menjadi politikus itu, dengan pengetahuannya yang mendalam dan falsafah politiknya, akan menumpukan khidmatnya kepada membantu Perdana Menteri menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh bangsa kita yang multiracial supaya tercapai kemakmuran lebih besar dan pembangunan yang lebih stabil... Kita mempunyai masa depan yang cerah."

Tajuk interbiu akhbar Sin Chew itu ialah: Mengakui sifat-sifat kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad.

Interbiu itu yang disiarkan sepenuhnya di halaman ini, ialah dengan Lim Toong Kwong (Pengarang Berita) dan C.C.Liew (Ketua Pemberita). — Pengarang.

untuknya. Jadi, ini bukanlah perkara baru. Ini berlaku di setiap negara. Begitu juga di negara kita. Rakyat mengikut garisan-garisan perkauman tetapi ini tidaklah bererti mereka tidak mempunyai kesedaran kebangsaan. Tetapi mereka mempunyai taat setia istimewa pada kaum mereka sendiri.

• **Soal:** Bolehkah Doktor mengulas lebih lanjut, bawakah di lain-lain negara selain dari perbezaan kelas (masyarakat) tidak ada masalah kaum? Adakah perbezaan kelas di negara kita?

• **Jawab:** Memang ada perbezaan kelas. Golongan kaya dan golongan berada mempunyai idea yang berlainan dan taraf yang berlainan. Sedangkan golongan miskin mempunyai idea yang akan memberi faedah yang lebih banyak kepada mereka. Golongan kaya akan berkata bahawa mereka memberi sumbangan yang lebih banyak kepada kepentingan negara. Golongan miskin juga akan berkata mereka-lah yang memainkan peranan besar dalam mendatangkan kekayaan kepada orang-orang kaya. Oleh itu terdapatlah perbezaan seperti ini selain dari perbezaan kaum.

Salah satu perkara yang agak kurang sihat di negara ini ialah adanya "kecenderungan" ke arah perbezaan kaum yang berkaitan dengan perbezaan ekonomi. Inilah yang harus diperbetulkan. Jika kita dapat mengujudkan perimbangan ekonomi di kalangan kaum-kaum, maka tidak akan wujud kebimbangan satu kaum terhadap kaum lain dan ini juga akan menghapuskan perbezaan yang ada sekarang. Tetapi kita masih akan mempunyai perbezaan kelas.

• **Soal:** Jadi, dengan lain-lain perkataan, setengah dari masalah-masalah yang kita hadapi sekarang lebih di bidang ekonomi dari bidang perkauman?

di antara kaum.

• **Soal:** Lain-lain masalah di negara ini pada masa ini kenaka kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, ialah perusahaan-perusahaan bukan Bumiputra yang nampaknya khuatir mengenai pelaksanaan dasar itu. Apakah ulasan Doktor mengenai ini?

• **Jawab:** Saya fikir kekhuatiran ini adalah berdasarkan imaginasi kerana semalam saya telah menjawab berbagai pertanyaan yang dikemukakan oleh senator-senator, terutama satu pertanyaan yang dikemukakan oleh Senator Kam Moon Wah. Beliau merasa bahawa semua yang dibuat di negara ini adalah untuk kaum Bumiputra saja. Ini tidak benar. Yang sebenarnya ialah kita sedang cuba menggalakkan lebih ramai Bumiputra menyertai semua bidang, termasuk lapangan perniagaan.

Turut serta

Memanglah kita mahu mereka turut serta. Mereka akan mengambil beberapa peratus dari peluang-peluang yang ada. Sebagai misal, biarlah kita katakan bahawa kerajaan mengambil 10 peluang. Jika kaum Bumiputra tidak langsung mengambil bahagian, maka ke semua 10 peluang itu akan pergi kepada bukan Bumiputra.

Terapi bila kita kata bahawa kaum Bumiputra mesti mengambil bahagian, sekurang-kurangnya 3 dari 10 peluang itu akan diberi kepada kaum Bumiputra. Dan jika ada 10 orang bukan Bumiputra yang berkebolehan untuk mengambil 10 peluang ini, maka akan adalah orang-orang

DARI MUKA

unsur-unsur pemisahan ini.

Menurut beliau kejayaan ini disebabkan rasa tanggungjawab dan kesedaran rakyat negara ini dan kita patut berbangga dengan apa yang telah berlaku.

Dr. Mahathir menjelaskan dalam menjayakan projek-projek ekonomi dan sosial kajian yang teliti tentang plan dan sektornya perlu dilakukan dengan berkesan.

Mengenai keselamatan di Melaka Dr. Mahathir berkata pada keseluruhannya memuaskan dan kegiatan ancaman anasir-anasir jahat juga berkurangan.

Beliau mencadangkan kerajaan negeri supaya terus berusaha menarik pelabur-pelabur luar datang ke Melaka membina kilang-kilang perusahaan bagi kepentingan rakyat dan negeri ini.

Beliau juga bersetuju kiranya dapat didirikan kilang-kilang yang menggunakan tenaga pekerja lelaki yang ramai dan tidak seperti berlaku sekarang di mana banyak kilang-kilang di sini menggunakan tenaga perempuan.

Ketika berucap di majlis

jamuan yang diadakan oleh kerajaan negeri di Sri Peringgit malam tadi Dr. Mahathir berkata keadaan kenaikan inflasi bagi tiga bulan pertama tahun ini hanya satu peratus berbanding dengan 14% dalam jangka masa yang sama tahun lalu.

Dengan demikian menunjukkan kedudukan ekonomi negara ini bertambah baik dan kerajaan telah berjaya mengatasi inflasi yang melibatkan rakyat dan negara.

Sementara itu ketika merasmikan Sekolah Menengah Rahmah, Kuala Sungai Baru, petang ini Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Kementerian Pelajaran akan memperkembang dan memperkuatkan lagi sistem pelajaran kebangsaan untuk memenuhi matlamat yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Ini adalah di antara objektif penting Kementerian di samping memupuk perpaduan negara serta membekalkan tenaga manusia yang terlatih dan berdisiplin bagi keperluan negara.

Katanya, usaha-usaha untuk menambah kemuda-

han di sekolah-sekolah akan dilipatgandakan supaya sumber-sumber dan kemudahan-kemudahan pelajaran dapat dibahagi-bahagikan, secara sama rata dan dinikmati oleh murid-murid sekolah, terutama mereka di kawasan luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga segala usaha akan diteruskan untuk melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat pelajaran, terutamanya di peringkat menengah.

Menurut Dr. Mahathir, sesungguhnya usaha memajukan pelajaran dan ekonomi tidak dapat dipisahkan oleh kerana pembangunan ekonomi bergantung kepada kemajuan sains dan teknologi yang diperolehi melalui program pelajaran yang teratur dan perkembangan ekonomi yang pesat pula akan dapat membiayai kos pelajaran yang kian meningkat.

"Oleh yang demikian kita semua perlulah memberi perhatian yang berat terhadap perkembangan pelajaran dan juga ekonomi negara ini," tegasnya.

Menurutnya, dua faktor penting mengapa kehendak terhadap pelajaran kian bertambah ialah, kerana pertambahan penduduk tiap-tiap tahun dan kedua, ekonomi negara yang berkembang dengan pesat memerlukan tenaga mahir dan mencukupi di setiap bidang dan peringkat pembangunan.

Sekolah yang menelan belanja \$354,000 itu mengandungi 18 bilik darjah, dua makmal sains, dua bengkel seni perusaahaan, dua bilik sains rumahtangga, pejabat, bilik guru, padang dan pagar.

SOAL: Orang-orang China dan Melayu adalah dua kaum terbesar di negara ini. Adakah Doktor berpendapat adanya sebarang kecurigaan di antara mereka?

Jawab: Saya tidaklah berkata tidak ada, kerana sudah menjadi kebiasaan bahawa orang akan mencurigai orang lain yang tidak dari kumpulan yang sama. Tetapi di kalangan kumpulan yang sama pun ada juga kecurigaan. Ini semua boleh diatasi jika kita berusaha bersungguhsungguh untuk mewujudkan persefahaman antara satu sama lain.

Saya fikir, jika kita bandingkan keadaan yang ada sekarang dengan keadaan dalam tahun 1969, maka kita dapati banyak perubahan berlaku. Misalnya, pada suatu ketika ada bangkangan mengenai pelaksanaan Bahasa Kebangsaan, tetapi sekarang ramai orang keturunan China telah menyetujui penggunaan Bahasa Kebangsaan. Mereka bertutur dalam Bahasa Melayu sekarang. Setengah-setengah dari mereka amat fasih dalam Bahasa Melayu.

Beberapa orang pelajar kaum China di Universiti Kebangsaan mendapat markah paling tinggi dalam Bahasa Malaysia. Ini sekurang-kurangnya membuktikan kecurigaan itu telah berkurang.

• **Soal:** Dalam soal ini, bolehkah Doktor membuat ramalan mengenai "Malaysian" pada keseluruhannya, atau apakah bentuk harapan yang kita ada untuk masa depan yang lebih baik?

• **Jawab:** Saya fikir, satu perkembangan yang baik di negara kita ialah kesedaran di kalangan sebahagian besar rakyat di negara ini bahawa mereka perlukan satu sama lain. Saya fikir orang-orang Melayu tahu bahawa kita memerlukan kaum China kerana mereka berkebolehan untuk menjalankan perniagaan, untuk mengendalikan berbagai kerja kemahiran di negara ini, dan kaum China sedar bahawa orang Melayu perlu kerana perpaduan politik mereka telah dapat menstabilkan negara ini.

ini kerana mereka fikir mereka boleh menikmati taraf hidup yang lebih baik di negara lain. Orang-orang profesional di seluruh dunia semuanya begitu. Mereka bukannya terhad kepada orang-orang profesional di Malaysia saja, atau kaum China.

Sebagai contoh, bila British mengadakan perkhidmatan kesihatan kebangsaan, ramai doktor-doktor British meninggalkan Britain untuk tinggal di Australia dan Amerika. Serentak dengan itu, ramai para doktor India dan Pakistan mengambil peluang ini untuk berhijrah ke England.

Berminat

Dengan ini, perkara utama yang dapat kita lihat ialah mereka itu bukanlah berminat dalam keperluan negara, tetapi berminat dalam membaiki taraf hidup mereka. Jika doktor-doktor British sedar betapa per-

kita telah menutup pintu kepada orang-orang mendatang.

Saya yakin jika orang-orang profesional di negara ini berhijrah ke Australia, kita boleh membuka pintu semula kepada orang-orang asing yang mendatang. Kita akan mendapat seberapa banyak doktor dan jurutera dan apa saja yang kita perlukan dari lain-lain negara yang menganggap Malaysia sebagai salah satu "syurga" di rantau ini.

• **Soal:** Benarkah kehilangan orang-orang profesional dan intelek bukanlah satu masalah di negara kita?

• **Jawab:** Ya. Orang-orang yang telah berhijrah amat berhati-hati dengan tidak memutuskan hubungan sama sekali. Setengah-setengah dari mereka masih mengendalikan klinik-klinik di Malaysia ketika berkhidmat di Australia. Jadi, mereka sedar mereka tidak begitu selamat di Australia. Kita tidak boleh memikir-



DR. MAHATHIR

• Sambungan interviu Lim Toong Kwong, Pengarang Berita Sin Chew dan C.C. Liew (Ketua Pemberita) dengan Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri.

dibandingkan disiplin jenerasi muda di negara ini dengan yang ada di lain-lain negara di Barat, masyarakat kita adalah lebih berdisiplin.

Sebaik saja kita beritahu jenerasi muda kita betapa perlu dan baiknya disiplin, mereka dengan segera menyedarinya dan sekarang bersedia memikul tanggungjawab mereka dalam masyarakat. Mereka tidaklah terlalu keciwa jika mereka tidak mempunyai ke-

Saya mengaku kita mempunyai masalah-masalah tetapi saya tidak fikir masalah-masalah ini tidak boleh diselesaikan. Saya fikir dengan adanya muhibbah dan persefahaman seperti yang wujud sekarang, kita masih boleh memberi sumbangan yang lebih baik dari orang-orang yang membuat berbagai ramalan. Bila kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, setiap orang berkata negara ini akan hancur tidak lama lagi. Negara kita tidak hancur.

Dalam tahun 1969, rusuhan kaum bertaku. Orang lain berkata Malaysia sudah hancur. Tetapi negara kita tidak hancur. Sebaliknya, kita telah berjaya mencapai pembangunan ekonomi yang lebih tinggi sejak 1969. Yang demikian, jika kita boleh melaksanakan semua ini, saya fikir ada harapan besar di negara ini.

● **Soal:** Masih ada orang, terutama orang-orang profesional, yang akan meninggalkan negara ini bila adanya tanda yang amat kecil mengenai kekacuan di negara ini. Apakah ulasan Doktor?

● **Jawab:** Sebenarnya, apa yang berlaku ialah setengah-setengah orang profesional meninggalkan negara

khidmatan mereka diperlukan oleh rakyat British, mereka sudah tentu akan terus berada di negara mereka dan tidak pergi ke Australia dan Amerika. Ini memang sifat orang-orang profesional. Saya sendiri pun seorang profesional.

Saya tahu bahawa manusia akan berhijrah ke kawasan-kawasan yang dapat memberi faedah kehidupan yang paling baik kepada mereka. Ini tidak menjadi hal, kerana ini bukanlah sebuah negara yang mundur. Kita hanya kekurangan orang-orang profesional di negara ini, terutama kerana

kan sepanjang masa mengenai orang-orang yang tidak memikirkan soal berkhidmat untuk negara.

● **Soal:** Seperti lain-lain negara yang mempunyai beberapa penyakit dalam masyarakat, pada pendapat Doktor apakah punca penyakit dalam masyarakat di negara kita? Misalnya, adakah Doktor berpendapat ini berpunca dari kekurangan disiplin dalam masyarakat, terutama di kalangan generasi muda?

● **Jawab:** Saya berpendapat memang ada kekurangan disiplin di kalangan generasi muda. Tetapi jika

bebasan seperti yang ada pada belia Barat. Yang demikian saya fikir keadaan kita di negara ini lebih baik dari di negara-negara Barat.

● **Soal:** Pada masa ini masalah dadah amat besar dan mengancam jenerasi muda kita. Adakah Doktor fikir ini disebabkan kesilapan dalam sistem didikan atau lain-lain sebab?

● **Jawab:** Saya tidak fikir begitu. Saya tidak fikir ini disebabkan kesilapan dalam sistem pelajaran kita. Pelajaran kita sekarang lebih baik dari sistem pelajaran yang lama.

Jika kita tinjau kedudu-